

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEBERKESANAN
PROGRAM 3K DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN**

Mohd Taufik Ayup, Ahmad Nasir Mohd Yusoff ,Arfah Ab Majid
& Mohamad Maulana Magiman

ABSTRAK

Amalan menjaga kebersihan perlu ditambah baik pada setiap tempat, tubuh badan dan pakaian termasuk kawasan sekitar. Kelestarian kebersihan persekitaran menjamin kehidupan selesa, baik, bersih dan tiada penyakit. Amalan menjaga kebersihan terdapat dalam sistem pendidikan sekolah Malaysia. Pada tahun 2004, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan Program Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan Alam Sekitar Sekolah atau Program 3K. Program ini berjaya menterjemahkan sekolah yang lebih ceria dan selamat. Kajian ini ingin melihat persepsi pelajar terhadap keberkesanan program 3K di sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan. Data dikumpul melalui borang soal selidik. Soal selidik diedarkan kepada 300 pelajar di negeri Selangor. Data yang diperoleh diproses menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 20*. Teknik analisis deskriptif digunakan untuk menilai tahap pengetahuan dan persepsi, ujian-t untuk melihat perbezaan antara pelajar bandar dengan luar bandar dan korelasi bagi melihat perkaitan tahap pengetahuan pelajar terhadap tingkah laku pelajar. Keputusan boleh disimpulkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap Program 3K tidak mendorong perilaku positif pelajar dalam menjaga kebersihan kawasan persekitaran. Hal ini disebabkan oleh pelaksanaan dan penerapan aspek kerohanian begitu lemah dan tidak diberikan perhatian dalam membina perilaku dan jati diri pelajar. Beberapa soalan dikemukakan berkaitan tajuk di atas. Pernyataan yang diberikan adalah berkisar tentang persepsi pelajar terhadap keberkesanan program penjagaan kebersihan yang dijalankan di sekolah. Keberkesanan ini dapat diukur adalah dengan melihat kepada pandangan dan nilai peribadi diri pelajar terhadap penjagaan kebersihan serta akhlak pelajar itu sendiri. Skala Likert digunakan dalam bahagian ini dan bentuk jawapan yang diberikan adalah “Sangat tidak setuju”, “Tidak setuju”, “Setuju” dan “Sangat setuju” .

Kata kunci : Persepsi, Pelajar, Keberkesanan, Program 3k, Sekolah Menengah

STUDENT PERCEPTION ON THE EFFECTIVENESS OF 3K PROGRAM IN SELANGOR STATE SECONDARY SCHOOL DARUL EHSAN

ABSTRACT

The practice of maintaining hygiene should be improved on every place, body and clothing including the surrounding area. Sustainable hygiene environment ensures a comfortable, good, clean and disease-free life. The practice of maintaining hygiene is in the Malaysian school education system. In 2004, the Ministry of Education Malaysia (MOE) introduced the School Safety, Cleanliness and Environmental Improvement Program or the 3K Program. This program successfully translates into a happier and safer school. This study seeks to explore the perceptions of students on the effectiveness of the 3K program in Selangor secondary schools Darul Ehsan. Data were collected through the questionnaire form. The questionnaire was distributed to 300 students in the state of Selangor. The data obtained were processed using IBM SPSS Statistics software 20. Descriptive analysis techniques were used to assess levels of knowledge and perceptions, t-tests to examine differences between urban and rural students and correlations to see the relevance of students' knowledge levels to student behavior. The results can be concluded that the level of student knowledge of the 3K Program does not encourage positive student behavior in maintaining environmental cleanliness. This is because the implementation and application of spiritual aspects are so weak that they are not given attention in building student behavior and identity. Some questions are asked about the title above. The statement was based on the students' perception of the effectiveness of the hygiene program conducted in the school. This effectiveness can be measured by looking at the student's personal views and values towards the student's personal hygiene and personal hygiene. The Likert Scale is used in this section and the answers given are "Strongly Disagree", "Disagree", "Agree" and "Strongly Agree".

Keywords: *Perception, Student, Effectiveness, 3k Program, Secondary School*

PENGENALAN

Menjaga kebersihan persekitaran melibatkan agenda pembangunan penting negara. Isu kebersihan persekitaran kerap dibincangkan di peringkat negara, negeri dan institusi pengajian tinggi. Isu sampah

misalnya, merupakan isu sejagat kerap kali dipaparkan di televisyen yang menunjukkan berlakunya pencemaran udara, darat dan air. Ada yang terapung-apung di permukaan laut, sungai dan yang tenggelam ke dasar laut. Akhirnya memusnahkan ekosistem hidupan laut, udara dan daratan. Paling menyedihkan aspek penjagaan kebersihan sekitar tidak diberikan perhatian berat dalam kalangan komuniti masyarakat. Ia dilihat sekadar perkara pilihan sama ada mahu mengambil bahagian dalam program penjagaan kebersihan kawasan sekitar, atau tidak mengambil bahagian, kalau terlibatpun hanya sambil lewa mengikut nafsu dan seolah-olah ia tidak penting. Kebiasaan yang terjadi, aktiviti-aktiviti penjagaan kebersihan persekitaran ini ”disubkan” kepada mak cik-mak cik ‘cleaner’ yang menjaga kebersihan bangunan, jalan raya dan lain-lain. Seharusnya pendidikan kebersihan dimulakan dari rumah lagi, diteruskan di sekolah dengan pelbagai program kebersihan seperti Amalan 3K agar perkara yang menyakitkan mata akibat pencemaran ini tidak lagi kelihatan di -tempat- tempat awam, tapak-tapak pasar malam, padang bola, taman rekreasi dan sebagainya.

Sorotan Literatur

Dari aspek pengetahuan pelajar terhadap alam sekitar, asasnya apa yang dibekalkan dan disampaikan oleh guru itulah yang akan dipelajari pelajar selain bahan-bahan bacaan yang dibaca. Dalam satu kajian tentang tahap pengetahuan dan corak tingkah laku murid terhadap alam sekitar mendapati bahawa pengetahuan murid terhadap alam sekitar adalah tinggi (Nurul Hidayah, L. A. et al., 2013). Walau bagaimanapun, pengetahuan yang disampaikan melalui guru dan pengetahuan yang diperoleh daripada buku teks Sains tahun 6 semata-mata tidak mencukupi bagi membentuk tingkah laku positif oleh murid-murid terhadap alam sekitar (Abdullah Liew et al., 2013). Kajian ini memberi maksud bahawa kesedaran murid-murid terhadap alam sekitar adalah sangat rendah atau tiada kesedaran walaupun tahap pengetahuan murid-murid terhadap alam sekitar adalah tinggi. Pengetahuan murid tentang alam sekitar yang sememangnya tinggi masih belum dapat mendorong murid-murid bertingkah laku positif terhadap alam sekitar. Corak yang sama akan terhasil iaitu murid-murid tiada kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar walaupun usaha menambahkan lagi input-input pengetahuan dan sillibus dalam buku teks Sains. Penambahan input pengetahuan dan penambahan bahan bacaan dalam buku teks tidak mendorong tingkah laku positif murid-murid terhadap alam sekitar. Hal ini memberi pesanan kepada kita bahawa fokus dan input dalam pengajaran dan pembelajaran dan pendidikan tidak formal

serta sistem pendidikan alam sekitar haruslah dilihat dari sudut yang lain iaitu tidak ditumpukan pada penilaian pengetahuan dan intelek murid-murid. Sebuah kajian tentang tahap pengetahuan, sikap, kesedaran dengan kepemimpinan pendidikan alam sekitar dalam kalangan pengetua sekolah mendapati pengetua sekolah masih tidak mengambil kira faktor atau elemen persekitaran alam semula jadi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah walaupun pengetua memiliki sikap yang positif terhadap alam sekitar selari dengan tahap kesedaran mereka yang tinggi (Azizi, M. et al. n. d.). Hal ini merupakan kurangnya berlaku kejujuran dalam pendidikan.

Permasalahan Kajian

Kajian persepsi berkaitan kefahaman pelajar terhadap kebersihan alam sekitar mendapati masyarakat pelajar dan belia pada hakikatnya sedar dan faham akan kepentingan persekitaran yang baik. Akan tetapi sikap tidak peduli terhadap kebajikan orang lain atau pemeliharaan persekitaran sangat menebal dalam kalangan rakyat negara ini (Abdul Latiff Ahmad et al., 2012). Sikap tidak peduli ini menunjukkan betapa lemahnya nilai keprihatinan dan kerohanian masyarakat terhadap orang lain dan persekitaran. Menurut kajian ini juga, salah satu sebab persoalan ini timbul adalah disebabkan amalan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar yang lemah. Tiada *role model* yang boleh memberi rangsangan kepada masyarakat supaya amalan menjaga persekitaran menjadi budaya dalam masyarakat kita dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kepentingan komuniti kebanyakannya dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan seperti badan agama dan persatuan yang mana aktiviti-aktiviti komuniti tersebut adalah tidak formal (Abdul Latiff Ahmad et al., 2012). Hal ini secara tidak langsung memberi mesej kepada kita bahawa usaha ke arah penjagaan alam sekitar bukanlah matlamat utama dan perkara yang sering dianggap tidak begitu penting dalam pembangunan. Selain itu, sikap tidak peduli terhadap kebajikan orang lain juga dikatakan hilangnya sikap bertanggungjawab dalam sistem hidup bermasyarakat.

Objektif Kajian

Secara amnya, penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap keberkesanan program 3K di Sekolah Menengah Negeri Selangor Darul Ehsan

1. Apakah tahap kewujudan penerapan elemen-elemen kerohanian dalam program penjagaan kebersihan dalam Program 3K di sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan;

2. Bagaimana menilai persepsi pelajar sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan;
3. Apakah persepsi pelajar sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan kawasan persekitaran; dan

Metod Kajian

Berdasarkan kepada tajuk penyelidikan yang dicadangkan, penyelidik telah memilih kajian yang berbentuk kuantitatif. di mana ianya menggunakan kaedah soal selidik dan tinjauan disebabkan populasi pelajar sekolah menengah di negeri Selangor Darul Ehsan begitu ramai. Reka bentuk tinjauan dapat mengambil saiz sampel yang lebih besar dan data dapat dikumpul dengan cepat. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada responden untuk dijawab dan borang soal selidik tersebut diserahkan kembali bagi memperoleh data. Penyelidik juga penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran yang diberikan sampel. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik adalah soalan tertutup. Jenis soalan adalah mudah dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana mereka hanya dikehendaki memilih satu daripada beberapa jawapan yang diberikan. Kajian ini juga bersifat kajian diskriptif menggunakan pendekatan analisis data secara kuantitatif. Penyelidik turut menggunakan kajian perpustakaan bagi menambah bahan sokongan dalam dapatan kajian. Kajian perpustakaan ialah sebuah penulisan yang bertujuan untuk mengulas isi ilmu termasuklah kajian dan juga secara teori dan kaedah sumbangan mengenai sesuatu topik seperti jurnal, manuskrip, akhbar dan buku.


Hasil Kajian

Kajian ini berjaya mengumpulkan sebanyak 300 soal selidik. Dari segi jantina, sebanyak 160 (53.3%) responden adalah pelajar lelaki dan sebanyak 140 (46.7%) ialah responden pelajar perempuan. Dari segi etnik, etnik Melayu yang dapat dikumpulkan adalah sebanyak 262 (87.3%) pelajar, diikuti dengan etnik Cina 16 (5.3%) pelajar, diikuti pula etnik India sebanyak 9 (3.0%) pelajar, etnik Sabah/ Sarawak 8 (2.7%) pelajar dan akhir sekali lain-lain sebanyak 5 (1.7%) pelajar. Dari segi agama, jumlah pelajar agama Islam adalah seramai 268 (89.3%) pelajar, kemudian diikuti oleh agama Buddha seramai 12 (4.0%) orang pelajar, kemudian diikuti pula oleh agama Kristian dan

Hindu masing-masing seramai 6 (2.0%) pelajar dan akhir sekali agama Animisme dan lain-lain masing-masing seramai 4 (1.3%) pelajar. Terdapat dua dapatan kajian yang kontradik iaitu antara tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah dengan persepsi pelajar terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan. Tingkah laku pelajar terhadap penjagaan kebersihan di luar kawasan sekolah menunjukkan pelajar mengamalkan tingkah laku yang positif. Tingkah laku positif di sini bermaksud pelajar menjaga kebersihan di luar kawasan sekolah sama seperti mereka berada di dalam sekolah seperti membuang sampah di tempat yang sepatutnya, mengutip sampah yang bertaburan dan takut membuang sampah merata-rata. Berbeza dengan persepsi pelajar terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan yang mana pelajar memberikan persepsi yang negatif. Persepsi negatif tersebut bermaksud kebersihan kawasan sekitar adalah bukan tugas mereka tetapi tugas tukang sapu sama ada sebagai pelajar apabila di dalam sekolah mahupun sebagai ahli masyarakat apabila di luar sekolah. Namun begitu, hasil dapatan kajian yang diberikan lebih tumpuan adalah berkenaan persepsi negatif pelajar terhadap tanggungjawab penjagaan kebersihan.

Jadual 1.0 : Hasil Analisis Diskriptif Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan

N	Valid	300		
	Missing	0		
Mean		1.55		
Std. Deviation		.499		
Minimum		1		
Maximum		2		
	Persepsi	Bilangan	Peratusan (%)	Peratusan kumulatif (%)
1	Negatif	136	45.3	45.3
2	Positif	164	54.7	100
	Jumlah	300	100	



Rajah 1.0 : Graf Peratusan Persepsi Pelajar terhadap Keberkesanan Program 3K di Sekolah Khususnya Komponen Kebersihan

Berdasarkan Jadual 1.0 dan Rajah 1.0 di atas menunjukkan persepsi pelajar terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori positif dan negatif. Berdasarkan maklumat tersebut di atas, bilangan pelajar yang memberikan persepsi negatif terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan adalah sebanyak 45.3 peratus (136 pelajar) manakala bilangan pelajar yang memberikan persepsi positif terhadap keberkesanan Program 3K di sekolah khususnya komponen kebersihan adalah sebanyak 54.7 peratus (164 pelajar). Berdasarkan nilai-nilai tersebut menunjukkan bahawa pelajar yang memberikan persepsi positif adalah lebih tinggi berbanding negatif. Namun begitu, perbezaan jumlah antara positif dengan negatif hanya perbezaan yang kecil iaitu sebanyak 9.4 peratus (28 pelajar) sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang memberikan persepsi negatif adalah juga ramai. Keberkesanan program penjagaan kebersihan kawasan sekitar masih belum berjaya dan masih berada di tahap yang sederhana. Walaupun sudah hampir 28 tahun usaha dilakukan namun keberhasilan masih berada pada tahap sederhana.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, hasil kajian menunjukkan bahawa usaha dengan langkah meningkatkan keupayaan intelek dan kemahiran diri pelajar adalah tidak mendorong membentuk akhlak mulia pelajar. Sebaliknya pembentukan akhlak mulia pelajar adalah berorientasikan kerohanian. Penerapan elemen kerohanian perlu dipertingkatkan lagi

kerana berada pada tahap sederhana. Elemen kerohanian dilihat mempunyai dua peringkat. Peringkat pertama sistem pendidikan haruslah menyusun elemen-elemen kerohanian dalam sistem pendidikan seperti aktiviti bekerjasama dipertingkat. Pada peringkat kedua pula, proses bimbingan kerohanian perlu dilakukan. Bimbingan kerohanian adalah usaha yang agak berat kerana sebagai pembimbing mestilah mempunyai kejujuran yang tinggi, keikhlasan yang sepenuhnya serta kesabaran luar biasa kerana sebagai seorang guru mestilah memiliki jiwa yang suci dan murni agar bimbingan kerohanian sampai ke dalam lubuk jiwa pelajar. Perancangan yang rapi dan persediaan yang mantap perlu dilaksanakan jika negara menginginkan rakyat Malaysia mempunyai akhlak yang mulia.

RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn Bhd
- Abdullah, Nurul Hidayah Liew and Shafii, Haryati and Seow, Ta Wee (2013). *Pengetahuan Murid dan perkaitan Ibu Bapa Terhadap Kesedaran Alam Sekitar : Satu Kajian Awal*. *Jurnal Teknologi (Social Science)*, 64 : 1, 51 -57.
- Azizi, M., Masitah, M. Y., Nazifah, S. I., Khaidir, A., & Noriati A. R. (n. d.). *Hubungan Antara Tahap Pengetahuan, Sikap, Kesedaran Dengan Kepemimpinan Instruksional Pendidikan Alam Sekitar Dalam Kalangan Pengetua Di Negeri Kedah Dan Pulau Pinang*. Diambil daripada <http://www.medc.com.my/medc/journals/volume5/D%29%20Hubungan%20Antara%20Tahap%20Pengetahuan.pdf>
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi data*. PTS Pendidikan.
- Feeqa Afeera (2014, September 27). Azmin: 'Kita bekerja kuat setiap hari, bukan 100 hari pertama'. *Selangor Kini*. Diambil daripada http://bm.selangorku.com/59547/azmin-isu-pbt-sampah-jalan-raya-pendidikan-perlu-diselesaikan-segera/?utm_source=dlvr.it&utm_medium=twitter
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2004). *Asas Pembentukan Sekolah Lestari*. Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Pelajaran Malaysia & Institut Alam Sekitar dan Pembangunan.
- Mohammad Apendy Issahak & Asrizal Aris (2014, November 7). *Gelombang kedua*. MyMetro. Diambil daripada <http://www.hmetro.com.my/node/7239>
- Mohd Saad A., R. (2013, Mac 17). *Konsep Kebersihan Islam Membentuk Masyarakat Yang Sihat*. Berita Harian. Dipetik dari

59 | Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program 3k di Sekolah Menengah Negeri Selangor, Darul Ehsan

- <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/berita-harian/7358-konsep-kebersihan-islam-membentuk-masyarakat-yang-sihat>
- Morgan, David L. (1993). *Successful focus group: advancing the state of the art*. California: Sage Publication, Inc.
- Nurul Hidayah, L. A., Haryati, S., & Seow, T. W., (2013). *Pengetahuan Murid dan Perkaitan Ibu Bapa Terhadap Alam Sekitar: Satu Kajian Awal*. *Jurnal Teknologi*, 64:1, 51-57
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR/ KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Zaini Ujang (2009) *Minda Lestari: Pembangunan Negara dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Dr. Ahmad Nasir Mohd Yusoff (Pensyarah Kanan)

Mohd Taufik Mohd Ayup (Pelajar Sarjana)

Dr. Arfah Ab. Majid

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang. Selangor

E-mail: ahmadnasir@upm.edu.my

E-mail: taufikayub@upm.edu.my

E-mail: arfah@upm.edu.my

Mohamad Maulana Magiman (Pensyarah Kanan)

Fakulti kemanusiaan, pengurusan dan sains

Universiti putra Malaysia kampus Bintulu Sarawak

97008 Bintulu, Sarawak, Malaysia

E-mail: mdmaulana@upm.edu.my